

Keberkesanan Pengaplikasian Model Penanda Wacana, Kata Bantu Dan Keterangan (PWKBKK) Bahasa Melayu Terhadap Penguasaan Kemahiran Menulis Ayat Dan Perenggan Dalam Kalangan Murid Tahun Empat Di Selangor

The Application of the Discourse Marker, Auxiliary Verb, and Adverb (PWKBKK) model in the malay language for mastering the skills of writing sentences and paragraphs among year four students in Selangor

Marzni Mohamed Mokhtar¹, Nur Mimi Marina Mohd Radzuan², & Marni Jamil³

¹Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

²Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang 13500 Permatang Pau, Pulau Pinang, Malaysia

*E-mel: marzni@upm.edu.my

Received: 28 February 2024; **Revised:** 24 December 2024 **Accepted:** 01 April 2024; **Published:** 25 April 2025

To cite this article (APA): Mohamed Mokhtar, M., Mohd Radzuan, N. M. M., & Jamil, M. (2025). Keberkesanan Pengaplikasian Model Penanda Wacana, Kata Bantu Dan Keterangan (PWKBKK) Bahasa Melayu terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid tahun empat di Selangor. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(1), 43-64. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.3.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.3.2025>

Abstrak

Ketidaklancaran kemahiran membaca dan kelemahan penguasaan kemahiran menulis dilihat sebagai punca kemerosotan pencapaian akademik belakangan ini di sekolah rendah. Permasalahan kajian menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh murid sekolah rendah merangkumi kecekapan membina ayat dan perenggan dengan betul dalam peperiksaan awam. Justeru, kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan pengaplikasian Model Penanda Wacana, Kata Bantu dan Kata Keterangan (PWKBKK) Bahasa Melayu terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan petikan dalam kalangan murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Selangor. Model PWKBKK ini dibina berdasarkan kepada adaptasi daripada Model Lewin (1946) dan Laidlow (1992) untuk meneliti aspek penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat. Reka bentuk kajian kualitatif telah digunakan bagi kajian ini. Seramai lapan orang murid Tahun Empat telah melibatkan diri sebagai peserta kajian ini secara sukarela. Teknik pengumpulan data kajian ini melibatkan temu bual separa berstruktur dan penganalisan dokumen karangan dan skor ujian intervensi murid. Penelitian terhadap keberkesanan pengaplikasian Model PWKBKK ini telah dilangsungkan di bilik darjah selama empat minggu. Manakala, teknik penganalisan data yang digunakan ialah analisis tematik. Dua tema utama yang ditemui dalam kajian ini terdiri daripada kajian ini ialah (i) persepsi murid Tahun Empat terhadap pengaplikasian model PWKBKK dan (ii) impak pengaplikasian model PWKBKK terhadap kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat. Secara keseluruhannya, pengaplikasian Model PWKBKK dilihat mendatangkan impak yang positif terhadap peningkatan penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan kerana kelapan-lapan peserta kajian didapati berupaya menghasilkan ayat dan perenggan dengan baik dan bersistematik.

Kata Kunci: Kata bantu dan kata keterangan (PWKBKK), kemahiran menulis ayat dan perenggan, model penanda wacana, murid Tahun Empat, UASA

Abstract

Poor reading skills and inadequate writing abilities are significantly hindering academic achievement in primary schools today. The evidence clearly indicates that one of the primary challenges faced by Year Four students is their difficulty in constructing sentences and paragraphs accurately for public examinations. This study aims to address this critical issue by examining the effectiveness of the Discourse Marker, Auxiliary Verb and Adverb (PWKBKK) Model, specifically designed to enhance the writing skills of Year Four students in a Selangor primary school. The PWKBKK Model was thoughtfully developed based on adaptations of the renowned Lewin (1946) and Laidlaw (1992) Models, focusing on key aspects of sentence and paragraph construction. Employing a qualitative research approach, this study engaged eight Year Four students who willingly volunteered to participate. Data were meticulously collected through semi-structured interviews, essay document analyses, and evaluations of student intervention test scores. The study was implemented over four weeks in the classroom, employing thematic analysis to process the data effectively. From this research, two prominent themes emerged: (i) the perceptions of Year Four students regarding the PWKBKK Model's application, and (ii) the model's tangible impact on their writing skills. Overall, the application of the PWKBKK Model demonstrated a remarkable positive influence on the students' mastery of sentence and paragraph writing. Encouragingly, all eight participants showed significant improvement, consistently producing sentences and paragraphs that were both coherent and well-structured. This suggests that the PWKBKK Model is a powerful tool for enhancing writing proficiency in primary school students.

Keywords: Auxiliary Verb and Adverb (PWKBKK) Model, Sentence and Paragraph Writing Skills, The Discourse Marker, Qualitative Research, Year Four Students

PENGENALAN

Pencapaian murid dalam penulisan dapat ditingkatkan sekiranya kemahiran pengajaran guru adalah pelbagai. Ini kerana tahap pengajaran guru yang berkualiti dapat melahirkan hasil pembelajaran yang berkesan. Abdul Rasid Jamian (2011) memberi pendapat yang sama bahawa pembelajaran penulisan memerlukan guru yang berpengetahuan dalam pengajaran penulisan kerana proses penulisan memerlukan murid-murid berfikir secara mendalam. Guru mempunyai tugas yang kompleks dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyediakan peluang-peluang penerokaan semasa pembelajaran penulisan agar pengajaran penulisan lebih melibatkan murid-murid dalam aktiviti penulisan dan tidak berpusatkan kepada guru sahaja. Murid-murid perlu diberikan peluang untuk menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari dalam kemahiran membaca seperti ciri-ciri teks dan pembentukan suku kata ke dalam bentuk tulisan. Oleh sebab penulisan melibatkan interaksi antara guru dan murid-murid, guru perlu memahami aspek perkembangan mereka dengan lebih mendalam.

Proses Penulisan Bahasa Melayu

Secara umumnya, menulis merupakan perlakuan menggunakan pen, pensel atau sebarang alat tulis bagi menulis atau menaip sebarang idea mahupun pernyataan. Menurut Paul Jennings (2004) pula dalam *The Reading Bug*, "Menulis merupakan keperluan peribadi bukan kerana tugas di dalamnya tetapi ada kesenangan dan ada manfaat untuk kehidupan sehari-hari. Ada nilai yang tak ternilai dalam kegiatan ini." Mengikut pandangan ahli falsafah, psikologi dan sarjana pendidikan, masa paling baik untuk mendidik adalah pada peringkat sekolah rendah. Menurut Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2003), Suriati Saidin (2010) dan Mohd Ruslee Mohd Salleh (2011) dalam proses tumbesaran, kanak-kanak senang menerima sesuatu yang diajar, dilihat dan didengar.

Terdapat dua jenis kemahiran menulis yang perlu dikuasai oleh murid, (i) kemahiran menulis secara mekanis dan (ii) kemahiran menulis mentalis (Roselan Baki, 2003 & Marzni Mohamed Mokhtar, 2018). Kedua-dua jenis kemahiran menulis sering ditanggapi secara salah oleh para ibu bapa dan para pendidik pada peringkat awal kanak-kanak. Mereka beranggapan bahawa murid telah pun berkeupayaan menulis sekiranya murid ini dapat mengungkap abjad dalam sesuatu bahasa pada permukaan rata atau kertas dalam bentuk yang diterima khalayak.

Kemahiran menulis secara mekanis merupakan kemahiran menulis secara peringkat awal yang perlu dikuasai agar murid dapat menghasilkan tulisan yang kemas dan mudah dibaca (Suriati Saidin, 2010 & Mohd Ruslee Mohd Salleh, 2011). Aktiviti-aktiviti tulisan seperti membuat corak, menekankan dan membentuk huruf adalah penting untuk memberi latihan dan pengalaman asas agar murid dapat menguasai kemahiran selanjutnya seperti menulis suku kata, rangkai kata dan sebagainya. Kebolehan menulis dalam kalangan murid timbul daripada keinginan mereka untuk menyatakan sesuatu melalui perantaraan tulisan. Sebelum mereka dapat berbuat demikian dengan cara yang dapat difahami oleh orang lain, mereka perlu menguasai mekanik tulisan itu dahulu. Keinginan tersebut haruslah digunakan sebagai pemangkin semangat untuk belajar menulis.

Setelah peringkat asas menulis telah dikuasai oleh murid-murid, mereka seharusnya digalakkan melahirkan fikiran mereka secara bertulis. Kemahiran menulis mentalis selalunya dikuasai oleh murid setelah mereka menguasai kemahiran menulis mekanis. Kemahiran ini banyak melibatkan operasi mental. Aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk menguasai kemahiran menulis mentalis adalah seperti (i) Latihan pernyataan fikiran atau pendapat (ii) Latihan pernyataan perasaan (iii) Latihan pernyataan kehendak dan (iv) Latihan mengeluarkan pendapat-pendapat yang tulen dan asli lahir dari pemikiran sendiri. Kaedah-kaedah yang dicadangkan adalah bermula daripada yang terkawal iaitu berpanduan gambar-gambar dan perkataan, mengisi tempat kosong, melengkapkan ayat-ayat dan perenggan sehingga murid-murid itu boleh menghasilkan tulisan tanpa panduan (Roselan Baki, 2003 & Marzni Mohamed Mokhtar, 2018).

Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia, Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR). Terdapat empat kemahiran bahasa dalam kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (DSKP) Tahun Empat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)(2017) telah mendefinisikan kemahiran menulis sebagai proses menterjemahkan idea dalam pelbagai jenis penulisan dan mempunyai hubung kait dengan ilmu dan pengalaman peribadi yang telah dilalui oleh murid. Malah, kemahiran menulis haruslah memberi penekanan terhadap struktur ayat yang ditulis, tatabahasa, penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul, serta kejelasan dan kekemasan tulisan murid.

Dalam proses PdPc, penulisan merujuk kepada penghasilan teks karangan berbentuk berita, rencana, esei, surat, laporan dan sebagainya yang melibatkan proses dan hasil (Sulaiman Masri, 2006 & Awang Sariyan, 2017). Kemahiran menulis bukan suatu yang bersifat tetap tetapi mampu membantu ke arah pemahaman pemikiran terhadap proses penulisan terutama dalam suasana PdPc di dalam bilik darjah contohnya keupayaan murid menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan. Nur Bazlina Ismail, Norisin Mohamad & Zamri Rajab (2023); Mohd Sufian Ismail et al., (2024) Tarmizi menyarankan bahawa murid perlu mempelajari dan mahir membina ayat kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan murid menjawab dalam bentuk tulisan dan ada juga yang memerlukan huraian jawapan yang kompleks. Justeru, penguasaan murid terhadap kemahiran menulis juga amat penting kerana menjadi asas untuk mempelajari disiplin ilmu yang lain di sekolah.

Dalam proses penulisan, murid turut digalakkan untuk menulis mengikut kreativiti dalam penulisan yang berunsur pengetahuan atau imaginasi (KPM 2018). Keperluan yang sama dikemukakan oleh Abdul Rasid Jamian et al., (2016) & Nor Akma Mat Nawi & Dahlia Janan (2024) yang mendapati bahawa kemahiran menulis menuntut seseorang murid menggunakan aspek kognitif iaitu kemampuan berfikir untuk menjanakan idea dan menterjemahkannya menjadi tulisan. Tuntutan ini dilihat selari dengan saranan Sulaiman Masri (2006) & Nor Akma Mat Nawi & Dahlia Janan (2024) yang menyatakan bahawa kemahiran menulis melibatkan kemahiran kognitif dan linguistik termasuk aspek mekanis, proses dan pembaca. Malah, proses penulisan juga memberikan peluang kepada murid untuk menghuraikan data-data yang tepat, berupaya menyusun jawapan dalam bentuk yang mudah, teratur dan meyakinkan. Seseorang murid juga mestilah mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk mengeluarkan idea bagi menghasilkan penulisan yang menarik, di samping aspek bahasa yang digunakan adalah betul (Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman, 2011).

Selanjutnya, konsep menulis secara khusus dikaitkan dengan proses penyaluran ilmu, idea atau maklumat secara bersistem yang mengambil kira aspek tujuan menulis, penggunaan bahasa, pembaca dan gaya penulisan supaya dapat menggambarkan keadaan, alam dan kehidupan secara lebih menyeluruh. Menurut Awang Sariyan (2017) & Arina Zata Sabila Musthafa Abrar (2024), dalam komuniti yang bertamadun tinggi, komunikasi tulisan memainkan peranan yang amat mustahak berbanding dengan komunikasi lisan. Pemerolehan dan penyebaran ilmu amat terikat pada bahan bertulis. Penulis dapat berkomunikasi dengan pembaca melalui penulisan kerana terdapat sesuatu yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Namun begitu, perlu difahami bahawa antara keempat-empat kemahiran bahasa, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar untuk dikuasai oleh murid. Hal ini dapat dilihat pada penemuan Marzni Mohamed Mokhtar (2018) yang mendapati bahawa punca kelemahan murid-murid menguasai kemahiran menulis Bahasa Melayu terdiri daripada (i) murid tidak mahir untuk menulis ayat atau perenggan berdasarkan format penulisan yang betul (ii) murid tidak dapat melengkapkan keseluruhan ayat dan mereka akan menyalin semula petikan yang dibaca (iii) kesalahan penggunaan penanda wacana, penggunaan kata bantu dan penggunaan contoh atau keterangan (iv) gagal mencari isi karangan bagi menulis sebuah karangan berdasarkan tajuk (v) gagal menulis ayat atau menulis ayat tergantung berdasarkan perkataan atau gambar rangsangan. Natijahnya, bagi murid yang tidak menguasai kemahiran menulis dengan baik, pastinya murid tersebut akan menghadapi masalah untuk mengikuti proses PdPc di dalam bilik darjah.

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Bahasa Melayu

Adalah penting untuk difahami bahawa bermula bulan Januari 2023, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan format baharu peperiksaan iaitu pelaksanaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA). UASA ini diperkenalkan oleh KPM untuk menggantikan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) yang telah dimansuhkan bermula tahun 2022. UASA merupakan ujian peringkat sekolah yang akan dilaksanakan sebagai sebahagian sumatif Pembelajaran Bilik Darjah (PBD), pada akhir persekolahan (Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik, 2023). Ujian ini bukanlah ujian pentaksiran pusat seperti UPSR dan PT3 tetapi merupakan satu ujian akhir tahun yang perlu diduduki oleh murid yang terlibat bagi menguji tahap kognitif mereka dan bukan membandingkan prestasi atau pencapaian antara murid, sekolah, daerah dan negeri (Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik, 2023). Ujian akhir sesi akademik bertujuan mengumpul dan mendapatkan maklumat mengenai tahap pencapaian akademik murid atau kandungan yang dipelajari murid sepanjang sesi akademik. Seterusnya, ujian ini juga dapat memberi gambaran tentang kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. Maklumat ini juga dapat membantu guru merancang dan melaksanakan intervensi untuk membangunkan potensi murid.

UASA ini dilaksanakan dengan melibatkan murid tahap dua sekolah rendah iaitu, Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 serta murid sekolah peringkat menengah rendah, iaitu Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 bagi sesi akademik semasa sahaja (Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik, 2023). Semua murid yang berdaftar dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) boleh menduduki ujian akhir sesi akademik. Seterusnya, UASA juga boleh diduduki oleh murid yang berada di Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan/Sekolah Agama Bantuan Kerajaan/Sekolah di bawah Agensi Kerajaan/ Sekolah Menengah Agama Negeri yang berdaftar dengan KPM dan murid yang berada di sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM dan maklumat mereka didaftarkan dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Pendaftaran murid dalam APDM membolehkan pelaporan ujian akhir sesi akademik diperoleh melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu KPM (SPPB KPM)(Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik, 2023).

Format UASA Bahasa Melayu Tahun Empat, Lima dan Enam ini mengandungi lapan perkara yang diberikan penekanan iaitu jenis instrumen, jenis item, bilangan soalan yang terdiri daripada Bahagian A, B, C, D, markah, tempoh ujian, konstruk yang diuji, aras kesukaran dan kaedah penskoran. Perincian format UASA ini dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1: Format Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Bahasa Melayu Tahun Empat, Lima dan Enam

BIL.	PERKARA	FORMAT PENTAKSIRAN	
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis : Pemahaman & Penulisan	
2	Jenis Item	- Objektif Aneka Pilihan (OAP) - Objektif Pelbagai Bentuk (OPB) - Subjektif Respons Terhad (SRT) - Subjektif Respons Terbuka (SRTb)	
3	Bilangan Soalan	Bahagian A (10 markah): OAP Tatabahasa (3-5 soalan) Pemahaman petikan (5-7 soalan) (Teks tunggal & Teks pelbagai) Bahagian B (10 markah): OPB dan SRT Tatabahasa dan Pemahaman petikan (3-5 soalan) Respons Kritis dan Kreatif (1 soalan) Bahagian C (10 markah): SRTb Penulisan perenggan – 1 soalan Bahagian D (20 markah): SRTb Penulisan Karangan – 1 soalan	
4	Markah	50 markah	
5	Tempoh Ujian	1 Jam 15 Minit	
6	Konstruk	Pengetahuan Sistem Bahasa Kemahiran Membaca: - Memahami - Mengaplikasi - Menganalisis	Kemahiran Menulis: - Mengaplikasi - Menganalisis - Menilai - Mencipta
7	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi (5 : 3 : 2)	
8	Kaedah Penskoran	- Dikotomus - Analitikal - Holistik	

(Sumber: Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik, 2023)

Bagi Tahap Penguasaan (TP) UASA, pengukuran yang dilakukan tidak lagi menggunakan format gred (A, B, C, dll), sebaliknya murid akan diukur menggunakan sistem baharu iaitu Tahap Penguasaan (TP). Terdapat enam TP dalam UASA Bahasa Melayu Tahun Empat, Lima dan Enam iaitu: (1) Sangat Terhad (2) Terhad (3) Memuaskan (4) Baik (5) Sangat Baik dan (6) Cemerlang. Deskriptor ini juga bersamaan dengan Tahap Penguasaan yang terdapat dalam Standard Prestasi Kemahiran Menulis DKSP Bahasa Melayu Tahun Empat (KPM, 2017).

Selanjutnya, penguasaan kemahiran menulis murid Tahun Empat dalam UASA juga akan bertambah baik sekiranya murid dan guru Bahasa Melayu meneliti format baharu UASA ini dengan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran DSKP Bahasa Melayu Tahun Empat (KPM, 2017) aspek 3.0 Kemahiran Menulis yang memberikan penekanan kepada tiga proses penulisan iaitu (i) 3.1Asas menulis (ii) 3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna dan (iii) 3.3 Menghasilkan penulisan (KPM, 2017). Perincian kandungan aspek 3.0 Kemahiran Menulis ini dapat dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2: Aspek 3.0 Kemahiran Menulis Tahun Empat

3.0 KEMAHIRAN MENULIS	
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Asas menulis.	Murid boleh: 3.1.1 Menulis secara mekanis menggunakan tulisan berangkai dalam bentuk ayat.
3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna.	3.2.1 Membina dan menulis ayat dan perenggan daripada bahan multimedia.
	3.2.2 Menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah secara kritis dan kreatif.
	3.2.3 Menganalisis dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara yang dirujuk.
	3.2.4 Menulis ayat dalam perenggan yang diimlakkan.
3.3 Menghasilkan penulisan.	3.3.1 Menulis draf dan menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif.
	3.3.2 Mengedit dan memurnikan ayat daripada aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.

(Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun Empat, 2017)

Meneliti keperluan penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam peperiksaan UASA dan kemudiannya diselaraskan dengan tuntutan DSKP Bahasa Melayu Tahun Empat, maka kajian ini adalah relevan untuk ditadbirkan dengan memberikan perhatian pada keberkesanan pengaplikasian Model PWKBKK terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Selangor. Intervensi secara terancang telah dilaksanakan sebagai pemudahcara untuk murid menulis ayat dan perenggan di dalam bilik darjah. Perbincangan lanjut berkaitan Model PWKBKK ini dapat dilihat pada bahagian yang berikutnya.

Model Penanda Wacana, Kata Bantu Dan Keterangan (PWKBKK)

Tiada satu pendekatan pun yang boleh dikatakan sebagai pendekatan yang terbaik dan mesti digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Itulah hakikatnya. Namun begitu, tidaklah boleh dinafikan bahawa setiap pendekatan yang sedia ada, baik pendekatan tradisional mahupun pendekatan moden mengutamakan pengalaman di dalam bilik darjah yang sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia global seperti yang diperkenalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Salah satu pendekatan moden ini ialah menggunakan rumus untuk diingat oleh murid dalam sesuatu mata pelajaran yang diajar. Rumus-rumus ini akan dibentuk dalam bentuk akronim bagi memudahkan murid mengingat isi pelajaran yang telah disampaikan kepada mereka.

Dalam konteks PdPc penulisan karangan, pengkaji telah menggunakan Model PWKBKK sebagai pemudahcara terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat. Model ini menggunakan singkatan PWKBKK bagi memudahkan ingatan dan kefahaman murid untuk menguasai tatacara penghasilan ayat gramatis. PWKBKK ialah singkatan bagi Penanda Wacana, Kata Bantu dan Keterangan. Penggunaan singkatan ini penting bagi menjamin pertautan idea dalam penulisan ayat dalam karangan yang dihasilkan oleh murid.

Penanda Wacana

Dalam model PWKBKK, penanda wacana yang digunakan terdiri daripada ‘antaranya’, ‘seterusnya’, ‘selain itu’, akhirnya’ dan ‘sebagainya. Penanda wacana boleh didefinisikan sebagai rangkai kata yang digunakan untuk menghubungkan dua ayat atau idea. Hubungan ini terjadi dalam bentuk ayat baharu atau perenggan baharu. Penanda wacana juga dikenali sebagai perangkai ayat. Pengulangan kata atau rangkai kata utama, terutamanya dalam subjek dan predikat ayat juga berfungsi sebagai penanda wacana.

Penanda wacana Bahasa Melayu bertugas untuk mempertautkan sesuatu idea, hujah dan pandangan peribadi penulis atau penutur (Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria, 2015). Sekiranya sesuatu wacana tidak memiliki pertautan yang tepat, maka seluruh kandungan wacana berkenaan tidak mempunyai koheren dan kohesi yang lengkap. Menurut Nor Asiah Ismail et al., (2020), kohesi atau pertautan akan terhasil menerusi susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut. Susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut ini merupakan gabungan antara maklumat lama dengan maklumat baharu. Dalam penulisan akademik, aspek kohesi amat signifikan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan pemahaman pembaca tentang idea yang diutarakan. Norhayati Alias (2019) juga mengagaskan bahawa penanda wacana digunakan dengan tujuan untuk menghasilkan mesej yang lebih jelas, tepat dan spesifik terhadap pendengar atau pembaca. Penggunaan penanda wacana ini merupakan usaha dan perancangan yang dilakukan oleh penulis demi mencapai tujuan dan hajat komunikasinya. Penyusunan dan reka bentuk yang dilakukan oleh penulis ketika menghasilkan penulisan penting dalam menghasilkan produk wacana yang baik mutunya kerana diterima dan difahami oleh sasaran. Fungsi dan jenis penanda wacana yang diberikan oleh Sanat Mohd Nasir (2008) dan Nik Safiah Karim et al., (2011) dengan lebih terperinci, maklumatnya dipaparkan di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Perbandingan Penanda Wacana Sanat Mohd Nasir (2008) dan Nik Safiah Karim et al., (2011)

Model	Jenis	Fungsi
Sanat Mohd Nasir (2008)	Tautan Perulangan	Rujukan, Penggantian, Ellipsis, Leksikal, Prafrasa, Pallelisme, Perulangan Struktur Makna
	Tautan Kolokasi	Antonim, Hiponim, Hasil, Sifat
	Tautan Penghubung Ayat	Tambahan, tentangan, Sebab-Musabab, Waktu, Terusan
	Penanda Penghubung	Penghubung Tambahan, Penghubung Tentangan, Penghubung Musabab, Penghubung Tempoh
Nik Safiah Karim et.al (2011)	Penanda Rujukan	Kata Ganti Nama Diri Pertama, Kata Ganti Nama Diri Kedua, Kata Ganti Nama Diri Ketiga
	Penanda Penggantian	Frasa Nama, Frasa Kerja, Klausa
	Penanda Leksikal	Pengulangan Perkataan Sama, Pengulangan Sinonim, Pengulangan Hiponim, Pengulangan Kolokasi
	Penanda Elipsis atau Pengguguran	Pengguguran Perkataan, Pengguguran Frasa

Sumber: Nor Asiah Ismail, A. Jailani Che Abas, Dzulkarnain Mat, Mohd Asri Abdul Razak, & Mohd Nor Mohamed (2020)

Kefahaman berkaitan dengan fungsi penanda wacana dapat dilihat menerusi contoh-contoh penandawacananya seperti dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Contoh-contoh Penanda Wacana

Jenis Penanda Wacana	Fungsi Penanda Wacana	Contoh Penanda Wacana
Tautan Penghubung Ayat	Tambahan	dan, lalu, malahan, tambahan pula, lebih-lebih lagi, di samping itu, selanjutnya
	Tentangan	tetapi, sebaliknya, namun, namun begitu, walau bagaimanapun
	Sebab-Musabab	kerana, oleh sebab, oleh itu, oleh hal demikian, dengan itu, maka itu
	Waktu	mula-mula, pertama, seterusnya, kemudian, selanjutnya, selepas itu, maka, akhirnya
	Terusan	Sementara itu, sejenak kemudian
Tautan Perulangan	Rujukan	ini, itu, sini, sana, situ, saya, kami, kamu, engkau, mereka, beliau
	Penggantian	ini, itu, sini, sana, situ, saya, kami, kamu, engkau, mereka, beliau
	Elipsis	Pada minggu lalu Kak Siti dan keluarganya berkelah di Teluk Cempedak. Demikian juga keluarga kami.
	Leksikal	menyayangi ibu...menyayangi ayah
	Parafrasa	wang perlu dicari..kewangan akan kukuh
	Pallelisme	rezeki perlu dicari bala jangan dicari
	Perulangan struktur makna	memetik bunga di taman...bunga di taman belum disunting orang
Tautan Kolokasi	Antonim	Bodoh...cerdik
	Hiponim	ikan..tenggiri, bawal, kembung
	Hasil	perintah berkurung...dengan..kawasan wabak merebak cepat
	Sifat	perintah berkurung...berjaya menenangkan rakyat

Sumber: Nor Asiah Ismail, A. Jailani Che Abas, Dzulkarnain Mat, Mohd Asri Abdul Razak, & Mohd Nor Mohamed (2020)

Kata Bantu

Kata bantu memainkan fungsi menerangkan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama untuk menimbulkan makna-makna tambahan dari segi aspek waktu atau ragam (Nik Safiah et al., 2003 & 2008). Malah, kata bantu juga berfungsi untuk aspek dan ragam kata kerja. Aspek menerangkan sama ada perbuatan itu akan dilakukan, sedang dilakukan atau sudah selesai. Ragam pula menerangkan keadaan perasaan pelaku semasa melakukan perbuatan tersebut.

Makna yang berkaitan dengan kemungkinan, kebarangkalian, keperluan, kemahuan, kewajipan dan keizinan diungkapkan melalui perkataan seperti “hendak”, “mahu”, “harus”, “mesti”, “boleh”, “dapat”, “enggan”, “patut” dan “mungkin” dirujuk secara amnya sebagai kata bantu dan secara khususnya sebagai Kata Bantu Ragam (KBR) (Nik Safiah Karim et al., 2003 & 2008; Haslina Haroon & Hasuria Che Omar, 2016). KBR diuraikan sebagai “bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan” (Nik Safiah Karim et al., 2003 & 2008). Asmah Haji Omar (2015) pula menyatakan bahawa kata kerja modalitas, terangkum di bawah kata kerja bantu yang memainkan peranan “membantu dalam memberi ciri ‘suasana’ kepada perbuatan atau keadaan yang dirujuk oleh kata kerja leksikal”. Terdapat enam kategori kata kerja

modalitas (Asmah, 2015; Haslina Haroon & Hasuria Che Omar, 2016), iaitu (i) “Hendak” dan “mahu” merujuk kehendak atau keinginan untuk melakukan sesuatu (ii) “Boleh” dan “dapat” merujuk keupayaan dan keizinan. Dalam hal ini, “boleh” digunakan untuk mengungkapkan keupayaan dan keizinan, manakala “dapat” hanya membawa maksud keupayaan (iii) “Mesti”, “wajib” dan “harus” merujuk kemestian dan yang saling berganti. “Harus” juga digunakan dalam konteks agama Islam untuk merujuk sesuatu yang dibenarkan (iv) “Perlu” merujuk keperluan; (v) “Mungkin” merujuk kemungkinan dan kebarangkalian dan (vi) “Enggan” merujuk perasaan tidak mahu.

Kata Keterangan

Kata keterangan pula berperanan sebagai kata hubung pancangan keterangan daripada salah satu kata hubung pancangan dalam aspek kata tugas dalam kelompok kata penyambung ayat yang secara ringkasnya memang dikenali sebagai kata keterangan (Nik Safiah et al., 2003 & 2008). Kata keterangan ialah kata yang menerangkan kata kerja dan kata adjektif dengan lebih lanjut. Dalam bahasa Melayu baku, kata keterangan dikenali sebagai kata sifat juga. Kata keterangan dapat dibahagikan kepada beberapa jenis seperti kata keterangan cara atau gaya, kata keterangan masa atau waktu, kata keterangan darjah, kata keterangan tanya, kata keterangan ragam atau tak tentu dan kata keterangan nafi. Malah kata keterangan juga difahami sebagai kata yang memberikan penjelasan (keterangan) tentang kata lain seperti kata bilangan, kata kerja dan kata sifat dalam sebuah kalimat (Nurul Khasanah, 2018).

Komponen Model PWKBKK

Model PWKBKK ini mengandungi tiga komponen utama iaitu:

1. **Ujian Sebelum Intervensi**
mengesan tahap masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan ayat di Bahagian C
2. **Tindakan Intervensi**
Pengkaji memperkenalkan makna di sebalik huruf-huruf akronim yang digabung iaitu PWKBKK. Murid akan menulis ayat berdasarkan teknik PWKBKK yang diperkenalkan.
3. **Ujian Selepas Intervensi**
Ujian ini dijalankan dalam bentuk tulisan Ujian ini dilaksanakan sama seperti proses pelaksanaan ujian sebelum intervensi dengan menggunakan teknik PWKBKK yang sama. Namun demikian, pengkaji telah menggunakan lembaran kerja atau soalan yang berbeza.

Model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992)

Kajian ini menjadikan model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) sebagai kerangka asas pelaksanaan kajian. Model Lewin dan Laidlaw ini merangkumi lima peringkat iaitu (i) aspek mengenal pasti aspek amalan (ii) perancangan (iii) membuat tindakan (iv) melihat kesan tindakan dan (iv) membuat refleksi. Peringkat pertama tindakan melibatkan proses mengenal pasti aspek amalan. Guru mengenal pasti aspek amalan melalui refleksi PdPc yang dilaksanakan. Berdasarkan refleksi tersebut, guru membuat tinjauan awal dengan menggunakan instrumen temu bual dan ujian. Hasil analisis instrumen yang digunakan menjadi asas untuk menyokong masalah yang dikenal pasti. Bagi mengenal pasti aspek amalan yang berlaku di dalam bilik darjah, pengkaji telah melakukan refleksi terhadap sesi PdPc yang berlangsung di dalam bilik darjah.

Peringkat kedua iaitu merancang melibatkan pemilihan teknik atau cara yang sesuai untuk mengatasi masalah yang telah dikesan. Perancangan tindakan intervensi ini penting bagi menentukan pemilihan kaedah atau teknik yang diaplikasikan berjaya atau sesuai dengan PdPc yang dirancang pengkaji. Proses pemilihan teknik atau kaedah yang tepat akan menyumbang kepada pencapaian objektif dan penyelesaian masalah. Kebiasaannya, guru akan mengajar beberapa rumus untuk diingat oleh murid dalam sesuatu mata pelajaran yang diajar. Antara rumus-rumus yang digunakan dalam PdPc Bahasa Melayu seperti teknik akronim IMBaKUP bagi pengajaran karangan (‘I’ untuk Idea Utama’,


‘M’ untuk kata tanya ‘Mengapa’, ‘Ba’ untuk kata tanya ‘Bagaimana’, ‘K’ untuk ‘Kesan’, ‘U’ untuk ‘Ungkapan Menarik’ dan ‘P’ untuk ‘Penegasan Kecil’ atau penggunaan akronim kaedah SQ4R bagi penguasaan kemahiran membaca (*Survey*: penelaahan/ pendahuluan), *Question* (bertanya), *Read* (membaca), *Reflect* (memberi contoh), *Recite* (mengutarakan kembali), dan *Review* (mengulang kembali).

Dalam konteks kajian ini, aspek penulisan ayat dan perenggan bagi pada peringkat sekolah rendah merupakan masalah yang akan diteliti. Berdasarkan masalah murid iaitu tidak dapat menulis ayat dan perenggan secara betul dan baik, pengkaji telah menggunakan Model PWKBKK bagi mengatasi masalah ini. Model PWKBKK merupakan akronim daripada gabungan tiga jenis golongan kata iaitu penanda wacana, kata bantu dan kata keterangan. Penggunaan akronim ini bertujuan memudahkan murid mengingat dan menulis ayat yang baik mengikut turutan.

Peringkat ketiga dalam kitaran ialah peringkat tindakan. Terdapat beberapa langkah yang dilaksanakan dalam tempoh empat minggu. Minggu pertama, pengkaji menjalankan ujian awal kepada murid bagi melihat pencapaian mereka dalam ujian yang dijalankan. Selepas itu, latihan seterusnya diberikan kepada murid setelah pengkaji memperkenalkan Model PWKBKK untuk memudahkan murid menulis ayat dan perenggan yang baik. Model ini telah dikenal pasti sesuai dengan masalah yang dihadapi murid untuk menulis ayat dan perenggan yang baik.

Peringkat keempat ialah proses melihat kesan tindakan. Pada peringkat ini, pengkaji menganalisis data yang telah dikumpulkan berdasarkan instrumen yang telah digunakan iaitu temu bual dan pelaksanaan ujian. Proses tinjauan kesan tindakan berlaku sepanjang kajian dilaksanakan. Proses tinjauan kesan tindakan ini penting untuk memastikan pemilihan dan langkah yang dijalankan betul serta membantu untuk merancang kitaran kedua kajian. Pada peringkat ini, proses pengumpulan data dan analisis dilaksanakan untuk melihat tahap keberkesanan teknik atau kaedah yang telah dipilih oleh pengkaji. Selain itu, peringkat ini membantu pengkaji untuk membuat tindakan seterusnya atau merancang lingkaran kedua.

Manakala peringkat kelima merupakan peringkat refleksi. Proses refleksi ini akan berlaku sepanjang kajian dilaksanakan termasuklah selepas PdPc, semasa dan selepas tindakan dilaksanakan serta refleksi akhir kajian berkaitan keberkesanan kaedah atau teknik yang telah dipilih. Peringkat refleksi pula sentiasa dilakukan sepanjang kajian dilaksanakan. Proses ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti masalah, menentukan tindakan dan sebagainya. Kepentingan proses refleksi ini adalah untuk memastikan pengkaji peka terhadap sebarang perubahan yang berlaku sepanjang proses kajian yang dilaksanakan untuk diambil tindakan selanjutnya.



Rajah 1: Model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992)

METODOLOGI KAJIAN

Di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian secara kualitatif. Kajian kualitatif ialah kajian yang menekankan kepada penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor, melibatkan pelbagai kaedah secara berfokus, termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek (Denzin & Lincoln, 2005 & Noraini Idris, 2010). Creswell & Creswell (2023) pula mentakrifkan penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan untuk meninjau sesuatu permasalahan sosial. Reka bentuk penyelidikan kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana berfokuskan kepada persekitaran atau konteks tertentu (kemahiran menulis ayat dan perenggan) dan berpusatkan kepada kumpulan tertentu (murid Tahun Empat) bagi memberikan perspektif menyeluruh dalam proses memahami bagaimana sesuatu perkara terjadi dilihat dan ditafsir oleh mereka.

Pemilihan reka bentuk kajian kualitatif bagi kajian ini juga seiring dengan gagasan Creswell & Creswell (2023) dan Noor Zila Md. Yusuf & Amir Juhari (2020) yang mencadangkan bahawa semasa pelaksanaan kajian, pengkaji perlu melaporkan realiti kes yang dikaji (pengaplikasian Model PWKBKK), bergantung kepada pendapat dan tafsiran peserta kajian (murid Tahun Empat) menerusi petikan temu bual yang mendalam dan luas, mempersembahkan tema yang berpadanan dengan bukti. Justeru, pemilihan reka bentuk kajian amat relevan untuk digunakan bagi menjawab objektif dan persoalan kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pengaplikasian Model PWKBKK terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Selangor.

Objektif khusus kajian:

1. Mengenal pasti keberkesanan pengaplikasian Model PWKBKK terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Selangor.

Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah keberkesanan pengaplikasian Model PWKBKK B terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Selangor?

Lapan orang murid Tahun Empat yang belajar di sebuah sekolah di Selangor telah dipilih sebagai peserta kajian dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kesemua peserta kajian ini terdiri daripada empat orang murid lelaki dan empat orang murid perempuan. Kesemua murid ini adalah berbangsa Melayu dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Seterusnya, aspek pencapaian akademik murid kelas ini berada pada tahap pencapaian yang sederhana dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Kelas ini merupakan kelas kedua dari empat buah kelas tahun empat yang ada di sekolah ini. Keseluruhannya, murid-murid Tahun Empat ini mempunyai pencapaian setara dan mempunyai latar belakang sosioekonomi yang sama.

Kepelbagaian teknik pengumpulan data telah digunakan dalam kajian ini. Hal ini selaras dengan pandangan Marohaini Yusoff (2001) yang menjelaskan bahawa kesahan kajian kualitatif dapat diperkukuhkan dengan melibatkan gabungan pelbagai teknik pengumpulan data. Dalam konteks kajian ini, tiga teknik pengumpulan data telah digunakan iaitu (i) pemerhatian (ii) temu bual separa berstruktur dan (iii) analisis dokumen bagi mencapai objektif kajian. Jadual 5 menunjukkan teknik proses pengumpulan data kajian ini:

Jadual 5: Teknik Pengumpulan Data

Teknik Pengumpulan Data	Tindakan Pengkaji
1.Pemerhatian (Sebelum Intervensi)	Pemerhatian tanpa penglibatan dilaksanakan di dalam kelas
2.Temu bual	Dilaksanakan ke atas lima orang peserta kajian yang dipilih dalam sesi PdPc sebelum tindakan intervensi.
3.Analisis Dokumen (Kertas Ujian)	• Ujian awal dilaksanakan terhadap semua murid sebelum melakukan tindakan intervensi. • Ujian akhir dilaksanakan terhadap lapan orang peserta kajian selepas tindakan intervensi

Teknik pemerhatian tanpa penglibatan oleh pengkaji merupakan salah satu teknik pengumpulan data kajian sebelum intervensi dilakukan bagi mendapatkan gambaran sebenar dan mengenal pasti masalah penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat. Pengkaji telah menggunakan catatan pemerhatian ringkas bagi tujuan ini. Selanjutnya, teknik temu bual telah dilaksanakan bersama-sama dengan lapan peserta kajian yang terlibat setelah menandatangani surat persetujuan (*consent form*) untuk ditemu bual. Teknik penganalisan dokumen juga digunakan dalam kajian ini untuk meneliti data yang terdapat dalam dokumen Keputusan Ujian Awal dan Ujian Akhir. Pengkaji telah menyediakan satu set soalan bahagian C menulis ayat dan perenggan berdasarkan format baharu UASA. Ujian ini dilakukan dalam bentuk lisan dan tulisan. Peserta kajian akan menjawab soalan tersebut dalam masa 20 minit. Markah maksimum yang akan diberikan adalah sebanyak 10 markah.

Selanjutnya, data-data kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang berpadanan untuk menjawab soalan kajian dalam kajian ini. Analisis tematik ini dimulakan dengan tahap permulaan menganalisis data dan diikuti oleh proses lanjutan iaitu memasuki bahagian pembinaan kod dan diakhiri dengan bahagian pemaparan data dalam bentuk matriks atau jadual, jaringan, peta konsep, carta alir dan rajah bagi memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperolehi (Marzni Mohamed Mokhtar, 2018).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis data bertujuan untuk menjawab objektif kajian iaitu mengenal pasti keberkesanan pengaplikasian Model PWKBKK terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Selangor. Catatan pemerhatian awal pengkaji sebelum pengaplikasian Model PWKBKK telah menunjukkan bahawa antara masalah kelemahan penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan yang paling ketara ialah (i) murid tidak dapat menghasilkan pertautan ayat dengan penggunaan penanda wacana (ii) murid menulis ayat demi ayat dalam satu perenggan tanpa menggunakan penanda wacana menyebabkan ayat yang dihasilkan tiada pertautan antara satu sama lain (iii) tidak dapat membina perenggan dengan betul dan (iv) murid menulis ayat tergantung dan tidak lengkap. Kesemua catatan pemerhatian ini menunjukkan bahawa murid tidak menguasai penulisan ayat dan perenggan berdasarkan petikan.

Pengaplikasian Model PWKBKK terhadap Kemahiran Menulis Ayat dan Perenggan dalam Kalangan Murid Tahun Empat Menerusi Ujian awal dan Ujian Akhir

Terdapat dua tema utama yang dibentuk bagi dapatan kajian ini, (i) persepsi murid terhadap pengaplikasian model PWKBKK dan (ii) impak pengaplikasian model PWKBKK terhadap kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat.

1. Persepsi Murid Tahun Empat terhadap Pengaplikasian Model PWKBKK

Bagi meneliti keseluruhan proses pengaplikasian model PWKBKK, pengkaji menggunakan teknik temu bual separa berstruktur terhadap lapan orang peserta kajian untuk mendapatkan gambaran atau persepsi peserta kajian tentang penguasaan murid untuk menulis ayat dengan baik dan berkualiti. Terdapat 10 soalan yang diberikan kepada murid untuk meneliti gambaran perasaan dan penerimaan mereka berkaitan pengaplikasian model PWKBKK. Berikut ialah dapatan temu bual yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap peserta kajian:

i. Keseronokan Belajar Bahasa Melayu

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	<i>Ok saja cikgu...</i>	<i>Seronok, cikgu.</i>
Peserta Kajian B	<i>Seronok...</i>	<i>Sangat seronok, cikgu...</i>
Peserta Kajian C	<i>Biasa sahaja cikgu...</i>	<i>Seronok cikgu...</i>
Peserta Kajian D	<i>Seronok cikgu...</i>	<i>Bertambah seronok...</i>
Peserta Kajian E	<i>Biasa sahaja cikgu...</i>	<i>Menarik minat belajar...</i>
Peserta Kajian F	<i>Ok saja cikgu...</i>	<i>Sangat seronok, cikgu...</i>
Peserta Kajian G	<i>Seronok...</i>	<i>Mudah faham dan seronok cikgu</i>
Peserta Kajian H	<i>Seronok cikgu...</i>	<i>Bertambah seronok...</i>

ii. Suka Membuat Kerja Rumah Bahasa Melayu

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	<i>Suka...</i>	<i>Suka cikgu, sebab tidak susah.</i>
Peserta Kajian B	<i>Bolehlah cikgu...</i>	<i>Suka juga cikgu...</i>
Peserta Kajian C	<i>Biasa sahaja cikgu...</i>	<i>Seronok cikgu...</i>
Peserta Kajian D	<i>Suka juga. Tapi kalau banyak rasa membebankan</i>	<i>Suka sangat...</i>
Peserta Kajian E	<i>Tidak suka...</i>	<i>Suka...Saya bersemangat untuk menyiapkannya.</i>
Peserta Kajian F	<i>Tidak suka cikgu</i>	<i>Suka juga cikgu...</i>
Peserta Kajian G	<i>Bolehlah cikgu...</i>	<i>Suka juga cikgu...</i>
Peserta Kajian H	<i>Biasa sahaja cikgu...</i>	<i>Suka sebab mudah nak ikut</i>

iii. Mudah Memahami Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	<i>Susah cikgu...</i>	<i>Mudah apabila saya dibantu oleh cikgu dan kawan-kawan</i>
Peserta Kajian B	<i>Sangat susah cikgu...</i>	<i>Sekarang lebih mudah cikgu...</i>
Peserta Kajian C	<i>Tidak tahu...</i>	<i>Ya, bila saya ikut apa yang cikgu ajar...</i>
Peserta Kajian D	<i>Bolehla...</i>	<i>Mudah cikgu. Semua selepas tunjuk ajar cikgu.</i>
Peserta Kajian E	<i>Susah cikgu...</i>	<i>Rasa mudah dari sebelum.</i>
Peserta Kajian F	<i>Susah cikgu</i>	<i>Sekarang lagi senang sikit cikgu</i>
Peserta Kajian G	<i>Tidak pasti</i>	<i>Ada masa saya keliru juga tapi ok lah.</i>
Peserta Kajian H	<i>Susahlah rasanya</i>	<i>Dah mula faham cikgu</i>

iv. Pengetahuan Berkaitan Soalan Penulisan Bahagian C

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	<i>Tidak tahu cikgu...</i>	<i>Tahu cikgu...</i>
Peserta Kajian B	<i>Tidak pasti cikgu...</i>	<i>Tahu selepas cikgu bagi tahu saya...</i>
Peserta Kajian C	<i>Tidak tahu...</i>	<i>Tahu cikgu...</i>
Peserta Kajian D	<i>Tak tahu...</i>	<i>Tahu selepas cikgu maklumkan.</i>
Peserta Kajian E	<i>Tahu...tapi tidak pasti sangat</i>	<i>Tahu selepas cikgu terangkan lebih lanjut.</i>
Peserta Kajian F	<i>Tidak tahu...</i>	<i>Dah mula tahu cikgu.</i>
Peserta Kajian G	<i>Tak tahu...</i>	<i>Tahu cikgu</i>
Peserta Kajian H	<i>Tahu...tapi tidak pasti sangat</i>	<i>Dah boleh ingat cikgu.</i>

v. Pemahaman Murid terhadap Arahan Soalan Bahagian C

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	<i>Saya cuba untuk faham dengan membaca berulang kali.</i>	<i>Boleh cikgu...</i>
Peserta Kajian B	<i>Susah cikgu. Ambil masa...</i>	<i>Boleh cikgu...</i>
Peserta Kajian C	<i>Boleh agaknya...</i>	<i>Boleh cikgu, saya faham selepas cikgu terangkan.</i>
Peserta Kajian D	<i>Tidak boleh cikgu sebab sangat susah.</i>	<i>Boleh cikgu. Perlu baca dengan teliti.</i>
Peserta Kajian E	<i>Tidak boleh...</i>	<i>Faham cikgu...Penerangan cikgu jelas.</i>
Peserta Kajian F	<i>Tak faham cikgu</i>	<i>Dah mula faham</i>
Peserta Kajian G	<i>Memang susah cikgu</i>	<i>Mudah nak faham</i>
Peserta Kajian H	<i>Tak tahu cikgu</i>	<i>Boleh faham dah cikgu</i>

vi. Kemahiran Menulis Ayat Berkualiti Bahagian C

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	<i>Tidak pasti cikgu...</i>	<i>Boleh cikgu...</i>
Peserta Kajian B	<i>Saya cuba cikgu...</i>	<i>Saya lebih faham cikgu...saya seronok untuk mencuba</i>
Peserta Kajian C	<i>Boleh agaknya...</i>	<i>Boleh cikgu, saya cuba buat.</i>
Peserta Kajian D	<i>Tak pasti...</i>	<i>Boleh cikgu. Saya ikut seperti cikgu ajar.</i>
Peserta Kajian E	<i>Tidak pasti...</i>	<i>Boleh cikgu...</i>
Peserta Kajian F	<i>Saya dah cuba juga cikgu</i>	<i>Saya suka cikgu</i>
Peserta Kajian G	<i>Saya tak mahir cikgu</i>	<i>Saya dah boleh buat</i>
Peserta Kajian H	<i>Tak pasti cikgu</i>	<i>Saya dah mula faham cikgu</i>

vii. Cara Menulis Ayat Berkualiti

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	Tidak tahu...	Boleh cikgu. Saya buat macam cikgu ajar
Peserta Kajian B	Tidak tahu tapi saya akan cuba buat.	Saya gunakan penanda wacana dan lain-lain
Peserta Kajian C	Tidak tahu cikgu...	Saya ikut macam cikgu ajar
Peserta Kajian D	Tak pasti...	Saya ikut teknik PWKK yang cikgu tunjuk.
Peserta Kajian E	Tidak tahu...	Ikut cara yang cikgu ajarkan...
Peserta Kajian F	Tidak pasti	Saya ikut cara cikgu.
Peserta Kajian G	Tidak tahu	Saya cuba guna cara cikgu.
Peserta Kajian H	Tak pandai cikgu	Senang sebab saya boleh ikut cara cikgu.

viii. Kesukaran Menjawab Soalan Bahagian C

Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	Ya cikgu. Saya susah untuk memahami soalan.	Agak mudah bila saya mengikuti teknik yang diajar oleh cikgu.
Peserta Kajian B	Ya, sangat susah cikgu...	Lebih mudah selepas saya memahami kehendak soalan.
Peserta Kajian C	Tidak pasti...	Mula-mula susah tapi lepas cikgu ajar rasa mudah.
Peserta Kajian D	Sukar sangat...	Lebih mudah sekarang.
Peserta Kajian E	Sangat sukar...	Sangat mudah selepas saya tahu teknik yang betul.
Peserta Kajian F	Sangat payah cikgu	Lebih mudah sekarang.
Peserta Kajian G	Susah cikgu nak buat	Lebih mudah sekarang.
Peserta Kajian H	Saya tak pandai cikgu	Lebih mudah sekarang.

ix. Kemudahan Pengaplikasian Model PWKBKK dalam Penulisan Murid


Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	Tidak pasti. Saya belum mencubanya.	Saya merasa lebih mudah memahami apabila dibimbing oleh cikgu.
Peserta Kajian B	Tidak tahu cikgu...	Mudah cikgu...
Peserta Kajian C	Tidak tahu cikgu...	Ya cikgu, membantu sangat.
Peserta Kajian D	Tak tahu...	Ya, sangat membantu selepas memahami teknik.
Peserta Kajian E	Tidak pasti...belum cuba	Sangat membantu...
Peserta Kajian F	Saya tak cuba lagi cikgu	Sangat mudah nak guna
Peserta Kajian G	Saya tak guna lagi cikgu	Dah dapat tulis
Peserta Kajian H	Saya tak tahu nak guna cikgu.	Saya dah dapat tulis.

x. Kesiediaan Murid Menggunakan Model PWKBKK dalam Pengajaran


Peserta Kajian	Sebelum Ujian Intervensi	Selepas Ujian Intervensi (Model PWKBKK)
Peserta Kajian A	Belum cuba lagi.	Boleh cikgu. Saya akan menyarankan kawan-kawan kelas lain untuk mencuba.
Peserta Kajian B	Mungkin boleh cikgu...	Boleh, nampak macam mudah
Peserta Kajian C	Tidak boleh cikgu...	Boleh cikgu...
Peserta Kajian D	Belum tahu lagi...	Boleh cikgu. Sangat mudah dan membantu.
Peserta Kajian E	Tidak pasti...	Boleh. Saya pasti akan mengaplikasikannya...
Peserta Kajian F	Tidak pasti cikgu	Boleh, nampak macam mudah
Peserta Kajian G	Tidak pasti cikgu	Boleh cikgu...
Peserta Kajian H	Tidak pasti cikgu	Boleh, nampak macam mudah

2. Impak Pengaplikasian Model PWKBKK terhadap Kemahiran Menulis Ayat dan Perenggan Berdasarkan Petikan dalam kalangan Murid Tahun Empat

Pengkaji telah melaksanakan ujian awal dan ujian akhir bagi mengenal pasti persepsi murid serta meneliti keberkesanan pengaplikasian model PWKBKK. Ujian awal dilaksanakan ke atas lapan orang peserta kajian ini bagi mengesan kemampuan murid menulis ayat dengan baik dan mengesan mereka yang masih tidak mampu menguasai kemahiran menulis ayat sebelum melakukan tindakan intervensi ke atas mereka. Ujian awal berbentuk lisan dan bertulis serta telah dijalankan di dalam bilik darjah. Ujian akhir pula dilaksanakan selepas tindakan intervensi dijalankan. Hasil keputusan ujian ini akan membantu pengkaji untuk meneliti keberkesanan pengaplikasian model PWKBKK ini terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan murid Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Selangor. Berikut ialah imbasan bagi hasil penulisan murid Tahun Empat iaitu prestasi murid dalam ujian intervensi sebelum pengaplikasian Model PWKBKK:



Rajah 2: Hasil Penulisan Murid dalam Ujian sebelum Intervensi




Rajah 3: Hasil Penulisan Murid dalam Ujian sebelum Intervensi

Melalui dapatan data tersebut, pengkaji mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dan mencari langkah penyelesaian yang paling sesuai melalui dua ujian formatif yang telah dilaksanakan sebagai intervensi kepada murid tersebut sebelum menduduki ujian akhir. Ujian akhir menulis ayat dan perenggan yang dijalankan bagi melihat keberkesanan tindakan intervensi tersebut. Kedua-dua dapatan tersebut haruslah dibanding bezakan untuk mendapatkan hasil tindakan intervensi yang dijalankan.

Jadual 6: Perbandingan Prestasi Murid bagi Ujian Awal dan Ujian Akhir Pengaplikasian Model PWKBKK


Markah	Ujian Awal		Ujian Akhir	
	Bilangan Murid	Peratus (%)	Kekerapan (Bil)	Peratus (%)
16-20	0	0	3	38
12-15	0	0	4	50
8-11	1	12	1	12
5-7	3	38	0	0
0-4	4	50	0	0
Jumlah	8	100	8	100




Rajah 4: Perbandingan Prestasi Murid Antara Ujian Awal dengan Ujian Akhir bagi Pengaplikasian Model PWKBKK

Analisis keputusan bagi kedua-dua ujian ini adalah berdasarkan skema pemarkahan yang ditetapkan. Jadual 6 dan rajah 4 menunjukkan perbandingan prestasi peserta kajian dalam ujian awal dan ujian akhir fokus kepada ujian bahagian C membuat rumusan berkenaan menulis ayat yang mengandungi penanda wacana, kata bantu dan keterangan di salah sebuah sekolah di Selangor. Dalam ujian awal, tiada peserta kajian mendapat markah yang cemerlang dan baik di antara 12-15 markah. Bilangan peserta kajian yang mendapat markah 8-11 adalah seramai seorang yang mewakili sebanyak 12% daripada jumlah lapan orang peserta kajian. Jumlah peserta kajian yang mendapat markah di antara 5-7 adalah seramai tiga orang iaitu 38% daripada peserta kajian. Manakala, seramai empat orang atau 50% peserta kajian mendapat markah paling minimum iaitu antara 0-4 markah.

Dalam ujian akhir pula sebanyak 38% atau seramai tiga orang peserta kajian berjaya mendapat markah cemerlang iaitu antara 16-20 markah dalam ujian akhir menulis ayat yang kreatif dan sistematik. Selain itu, sebanyak 50% atau seramai empat orang peserta kajian pula berjaya mendapat markah di antara 12-15 markah dalam ujian akhir manakala sebanyak 12% atau seorang peserta kajian mencapai tahap markah 8-11. Tiada peserta kajian yang mendapat paling rendah dalam ujian akhir. Perbezaan markah yang sangat berbeza antara ujian awal dengan ujian akhir ini menunjukkan bahawa pencapaian peserta kajian dalam menulis ayat yang mengandungi penanda wacana, kata bantu dan keterangan kini berada pada tahap yang baik berbanding dengan sebelum intervensi dan tindakan diperkenal dan dilaksanakan ke atas mereka. Berpandukan contoh-contoh ayat dan perenggan yang dianalisis jelas menunjukkan bahawa murid berupaya mengaplikasikan Model PWKBKK dengan baik dan sangat rasional. Berikut ialah imbasan bagi hasil penulisan murid Tahun Empat iaitu prestasi murid dalam ujian intervensi selepas pengaplikasian Model PWKBKK:



Rajah 5: Hasil Penulisan Murid dalam Ujian Intervensi selepas Pengaplikasian Model PWKBKK



Rajah 6: Hasil Penulisan Murid dalam Ujian Intervensi selepas Pengaplikasian Model PWKBKK

Berdasarkan dapatan kajian yang ditemui, pengaplikasian model PWKBKK telah pun melewati lima peringkat yang disarankan dalam model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) iaitu (i) aspek mengenal pasti aspek amalan (ii) perancangan, (iii) membuat tindakan (iv) melihat kesan tindakan dan (iv) membuat refleksi terhadap penguasaan murid untuk menulis ayat dan perenggan dengan baik dan berkualiti. Hal ini demikian pengkaji telah meneliti permasalahan yang dihadapi oleh murid Tahun Empat berkaitan kecekapan menulis ayat dan perenggan (Peringkat I) membuat jadual berkala bagi pelaksanaan model PWKBKK (Peringkat II) melakukan intervensi menerusi ujian formatif (Peringkat

III), membuat analisis prestasi murid sebelum dan selepas pengaplikasian model PWKBKK (Peringkat IV) dan pelaporan (Peringkat V). Hal ini jelas menunjukkan bahawa model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) ini berupaya membantu guru untuk mengubah haluan PdPc yang dilaksanakan oleh guru menjadi semakin baik bagi mengatasi isu penguasaan kemahiran menulis ayat dalam karangan.

Malah, dapatan kajian juga menemukan bahawa penggunaan penanda wacana memberikan impak dalam sesebuah penulisan ayat kerana penanda wacana ini menimbulkan pertautan dan kesinambungan antara ayat dalam teks bagi membentuk kesatuan. Nik Safiah Karim et al. (2011) dan Nor Asiah Ismail et al., (2020) menjelaskan bahasa penanda wacana digunakan untuk mewujudkan kesinambungan antara ayat dengan frasa dalam sesuatu wacana. Bagi penggunaan kata bantu (KB) dan kata keterangan (KK), terdapat pelbagai jenis KB dan KK yang setiap satunya mempunyai tugas dan fungsi yang berbeza-beza dalam menyatakan makna sesuatu ayat. Penggunaan setiap KBKK ini ditentukan berdasarkan peraturan-peraturan khusus dan perlu dipatuhi supaya ayat yang dibina dapat menghasilkan wacana yang tepat dan gramatis.

Tidak dapat dinafikan bahawa sebuah penulisan karangan yang baik ialah karangan yang mempunyai isi yang banyak dan bertepatan dengan tajuk. Walau bagaimanapun, sekiranya sesebuah karangan itu tidak menggunakan penanda wacana yang sesuai, maka sudah tentu karangan itu menjadi tidak sempurna disebabkan pembinaan ayatnya yang tidak gramatis, mengubah makna sebenar ayat yang ingin disampaikan, berlaku kesalahan tatabahasa dan akhirnya mengelirukan murid. Dalam sesebuah bahasa, sekiranya murid menguasai pola struktural pembinaan ayat dan memahami fungsi, bentuk dan jenisnya pastinya proses pembelajaran bahasa menjadi mudah. Namun, keadaan yang sebaliknya akan berlaku apabila murid tidak mahir dan keliru akan fungsi, bentuk dan jenis ayat yang perlu ditulis. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran dan akhirnya kesilapan akan berlaku (Noor Zila Md. Yusuf & Amir Juhari, 2020). Oleh yang demikian, penggunaan penanda wacana sememangnya penting bagi memperlihatkan pertautan antara satu ayat dengan ayat-ayat yang lain (Ujang Mohamed, 2006).

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian ini, diharapkan murid di sekolah diberikan pendedahan berkaitan pemantapan penggunaan penanda wacana, kata bantu dan kata keterangan supaya semua jenis dan fungsi wacana dimanfaatkan dengan betul dalam penulisan dan komunikasi lisan. Guru-guru juga perlu didedahkan dengan fungsi penanda wacana dalam penulisan supaya bentuk wacana menjadi lebih bermutu dan diajarkan dengan lebih mudah kepada murid. Oleh itu, kajian ini penting kepada semua pendidik untuk memberi perhatian yang lebih terhadap keperluan penggunaan fungsi penanda wacana dalam penulisan ayat dan perenggan. Penanda wacana bukan sahaja sebagai penyedap ayat dan cerita malahan menjadi sebuah wacana penulisan untuk mengembangkan hujahan isi secara koheren dan kohesi supaya tidak kabur apabila dibaca oleh sesiapa sahaja.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 1, Bil. 1 (Mei), 1-12.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Juanes Masamin. (2016). Kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir terhadap pengajaran penulisan karangan murid bukan Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 7, 1-8.
- Arina Zata Sabila Musthafa Abrar (2024). Resolusi Konvensyen Bahasa dan Persuratan MADANI 2024: Menegaskan Kedaulatan Bahasa Melayu dan Perlembagaan. *Jendela DBP*. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2024/10/13/15562/>
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2017). *Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemartabatan Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 1 (1). 67-87.
- Creswell, J.W. & Creswell, J. D. (2023). *Research design : qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. SAGE Publications, Inc.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (2005). *Handbook of Qualitative Research 3 ed*. Sage Publications, Inc
- Haslina Haroon & Hasuria Che Omar. (2016). Kata bantu ragam dalam terjemahan inggeris-melayu. *Jurnal Bahasa* Jilid 16 Bil. 2 Disember, 191-212.
- Jennings, P. (2004). *The reading bug - and how you can help your child to catch it*. Ringwood, Vic. Penguin.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik*. <http://lp.moe.gov.my/index.php/garis-panduan-uasa/1244-dokumen-pengurusan-ujian-akhir-sesi-akademik-2023-2024>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Kurikulum standard Sekolah menengah dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun Empat*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Laidlaw, M. (1992). *Action research: A guide for use on initial teacher education programmes*. Action Research. <http://www.actionresearch.net/moira.shtml>
- Lewin, K. (1946). Action research and minority problems. *Journal of Social Issues*, 4(2), 34-46. <http://www.comp.dit.ie/dgordon/Courses/ILT/ILT0003/ActionResearchMinorityProblems.pdf>
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2018). *Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan penulisan karangan argumentatif*. [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Ruslee Mohd Salleh. (2011). *Meningkatkan Kemahiran Mengesan dan Menulis Nilai Murni di Kalangan Murid Tahun 6 Nilam*. [Tesis tidak diterbitkan]. Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.
- Mohd Sufian Ismail, Anida Sarudin & Mohd Hafiz Mohamad. (2024). Prosedur analisis Atlas.Ti bersistematik: pembinaan kata kunci utama soalan karangan Bahasa Melayu SPM. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 32(1), 37-64.
- Montgomery, D. (2007). *Spelling handwriting and dyslexia*. Routledge.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2003). *Tatabahasa Dewan: Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan :Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Mc Graw-Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- Norhayati Alias. (2019). Analisis perbandingan penanda wacana pernyataan semula Bahasa Melayu iaitu dan Bahasa Sepanyol esto es. *GEMA Online® Journal of Language Studies* Volume 19(4), 363-378.
- Nor Akma Mat Nawi & Dahlia Janan. (2024). Perbandingan penggunaan kohesi jenis perulangan dalam penulisan karangan murid tingkatan 4: satu analisis keperluan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), 1-11.
- Nor Asiah Ismail, A. Jailani Che Abas, Dzulkarnain Mat, Mohd Asri Abdul Razak, & Mohd Nor Mohamed (2020). Analisis fungsi penanda wacana dalam penulisan kerja kursus pelajar PPISMP Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan Jelai, VOLUME (13)*, 1-10.
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah. (2003). *Pendidikan prasekolah*. PTS Publications.

- Noor Zila Md. Yusuf & Amir Juhari. (2020). Tahap bahasa antara dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal IPDA*, 26(1), 187-202.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria (2015). Kohesi gramtikal penghung dalam karangan berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Aplied Linguistics*. Jilid 03, 101-113.
- Nur Bazlina Ismail, Norisin Mohamad & Zamri Rajab (2023). Penggunaan teknik si-ba-ttam dalam membantu murid membina ayat lengkap bagi murid tahun 4. *Prosiding Kolokium Kajian Tindakan dan Inovasi PdPc 2023*. JPN Terengganu & IPG Kampus Sultan Mizan
- Nurul Khasanah. (2018). *Analisis Penggunaan Kata Keterangan pada Karangan Narasi Siswa di SMP*. [Disertasi Sarjana]. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Roselan Baki. (2003). Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan murid. Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Rozita Mohamed Yune, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2024). Pengajaran karangan daripada perspektif harapan murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 199-207.
- Sanat Mohd Nasir (2008). Pengupayaan tatabahasa wacana Bahasa Melayu di Malaysia dan Singapura. *Jurnal e-Utama*. Jilid 1, 83-92.
- Sulaiman Masri. (2006). *Bahasa Melayu: dimensi pengajaran dan pembelajaran*. Utusan Publications & Distributors.
- Suraiti Saidin. (2010). *Peningkatan Kemahiran Pembinaan Ulasan Murid Tahun 4 dengan Menggunakan Jadual Rumus Membina Ulasan*. [Tesis tidak diterbitkan]. Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu.
- Ujang Mohamed Lazim. (2006). *Penulisan PMR*. Pelangi Publishing Group Bhd.